

**Lelaki Direman Berhubung Isu Dana NFC
Bernama
22 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Polis Khamis mendapat perintah mahkamah untuk menahan reman seorang ahli perniagaan bagi membantu siasatan kes dana Pusat Fidlot Nasional (NFC) dan pembelian sebuah kondominium mewah di ibu negara.

Perintah reman sehingga esok dikeluarkan terhadap lelaki berumur 45 tahun itu oleh Majistret Tengku Eliana Tuan Kamarulzaman tengah hari ini di Pusat Tahanan Sementara Balai Polis Bukit Jalil dekat sini.

Lelaki itu, yang dibawa dengan kereta polis, tiba di Balai Polis Bukit Jalil, pada 9 pagi.

Pegawai daripada Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman dipercayai telah mengambil keterangan daripada lelaki itu dari 3 petang hingga 6 petang semalam.

Isu mengenai NFC itu berbangkit ekoran Laporan Ketua Audit Negara 2010 Oktober lepas yang menyatakan NFC gagal memenuhi matlamat penubuhannya manakala pembangkang pula mendakwa berlaku penyelewengan dalam pengurusan dananya.

Sementara itu, Pengarah Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Mustafar Ali mengesahkan polis telah menyerahkan ahli perniagaan itu kepada pihak SPRM untuk siasatan lanjut.

"Untuk makluman, pihak SPRM sentiasa berhubung rapat dan saling bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menjalankan siasatan membabitkan kes rasuah dan penyelewengan mengikut bidang kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang," katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya, perkongsian maklumat dan aduan yang diterima antara kedua-dua agensi itu diasas mengikut bidang kuasa masing-masing adalah suatu perkara yang telah dipraktikkan sejak sekian lama.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman Datuk Syed Ismail Syed Azizan berkata ahli perniagaan itu ditahan polis kira-kira pukul 4 petang semalam.

Beliau berkata lelaki itu ditahan atas kesalahan cubaan menyogok beberapa pegawai kanan polis Jabatan Siasatan Jenayah Komersil yang sedang menyiasat kes-kes jenayah komersil.

"Kita bertindak atas maklumat cubaan menyogok dan suspek ditahan disebabkan itu. Suspek cuba menyogok kira-kira tiga atau empat orang pegawai kanan ketika polis sedang menyiasat beberapa kes komersil yang memerlukannya untuk membantu siasatan.

"Sejurus mendapat maklumat cubaan sogok, pihak polis menghubungi suspek dan meminta dia untuk hadir ke pejabat Jabatan Jenayah Komersil Bukit Aman sebelum dia ditahan polis," katanya kepada pemberita di pejabatnya di Bukit Perdana di sini.

Katanya suspek yang merupakan pemilik agensi pekerja asing dan pengangkutan teksi pernah ditahan kira-kira tiga minggu lepas berkaitan kes penipuan di Cheras dan suspek juga berada dalam senarai dikehendaki bagi kes penipuan di Bercham, Ipoh.

Mengenai perkembangan siasatan kes NFC, beliau berkata setakat ini seramai 27 individu telah diambil keterangan termasuk pegawai dari Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kewangan.

"Setakat ini juga belum ada sebarang tangkapan dilakukan dan siasatan masih lagi sedang berjalan dan akan ada lagi individu yang akan dipanggil untuk memberi keterangan buat masa terdekat," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=635843>